



KENYATAAN MEDIA

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD LANTIK PENERUSI BAHARU

KUALA LUMPUR, 02 Jun 2020: Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) mengumumkan pelantikan Datuk Seri Tajuddin Atan sebagai Pengerusi baharunya berkuatkuasa 3 Jun 2020 menggantikan Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid yang tamat tempoh perkhidmatannya di Bank Muamalat pada 2 Jun 2020.

“Bagi pihak Bank Muamalat, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tan Sri Dato' Dr. Munir atas sumbangan dan khidmat beliau yang tidak ternilai kepada Bank Muamalat terutamanya dalam memimpin pelaksanaan strategi baharu yang meletakkan Bank Muamalat pada landasan yang tepat untuk menyampaikan prestasi yang mampan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin.

Tambah beliau, pihak pengurusan dan kakitangan Bank Muamalat mengalu-alukan penyertaan Datuk Seri Tajuddin Atan sebagai ahli Lembaga Pengarah baharu.

Di bawah kepimpinan beliau sebagai pengerusi yang baharu, Bank Muamalat berhasrat untuk terus menerapkan budaya risiko pematuhan Syariah untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan Islam pilihan di negara ini.

Antara tahun 2011 hingga 2019, Datuk Seri Tajuddin berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif /Pengarah Eksekutif Bursa Malaysia Berhad. Sebelum itu, beliau pernah menyandang jawatan pemimpin kanan di Kumpulan Perbankan RHB, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional.

TAMAT

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi:

Saidatul Leiza Suleiman: +6011 1061 5266 | leiza@muamalat.com.my